

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

RAW 215 - Pembinaan Dan Bahan Bangunan II

Tarikh: 30 Oktober 1987

Masa: 2.45 petang ~ 5.45 petang
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan, DUA dari Bahagian A dan DUA dari Bahagian B.

BAHAGIAN A (Jawab DUA soalan)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan perkara-perkara berikut dan beri contoh tempat-tempat digunakan?
 - (i) tupang (shoring)
 - (ii) acuan
 - (iii) peranca (scaffolding)

(25 markah)
2. Apakah maklumat yang perlu didapati di tapak bina sebelum seseorang kontraktor memulakan kerja binaan?

(25 markah)
3. Nyatakan dan lukiskan lima (5) jenis asas bangunan dan keadaan tanah yang bersesuaian digunakan bagi bangunan-bangunan yang tidak melebihi tiga (3) tingkat di Malaysia.

(25 markah)

...2/-

BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan)

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'dinding' dan apakah hubungannya dengan pelapisan?

(b) Sekiranya anda memerlukan pelapisan pada bangunan tunjukkan dengan gambarajah bagaimana masalah yang tersebut di bawah dapat diselesaikan?

- (i) berat dan ketegaran
- (ii) pergerakan haba
- (iii) pertakungan air

(25 markah)

5. (a) Apakah ciri-ciri struktur bumbung 2-dimensi. Huraikan jenis-jenis struktur bumbung 2-dimensi.

(b) Anda diberi tapak berukuran 10×30 meter dan diminta oleh seorang klien merekabentuk struktur bumbung 2D. Pilih dua daripada jenis-jenis yang anda telah huraikan di dalam soalan (a) dan tunjukkan perbezaan di antaranya kepada klien anda dengan lakaran-lakaran bercatatan.

(25 markah)

6. SAMA ADA

(a) Apakah kandungan-kandungan yang terdapat di dalam sesuatu sistem catan? Pilih satu daripada kandungan-kandungan itu dan huraikan komposisinya.

(25 markah)

...3/-

ATAU

(b) Bincangkan dengan ringkas tajuk-tajuk berikut:-

- (i) sebab-sebab kesingkatan hayat sistem-sistem cat.
- (ii) kaedah membuang cat lama di permukaan asal.
- (iii) lepuh dan kehilangan kelekapan di permukaan asal.
- (iv) persiapan yang tidak memuaskan.

(25 markah)

